

15 NOV 2000

OIC (Rumusan)

DARAH OIC MERUAP EKORAN KEKEJAMAN ISRAEL DI PALESTIN

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA (Qatar), 15 Nov (Bernama) -- Kutukan terhadap kekejaman Israel yang membunuh rakyat Palestin memuncak pada sidang kemuncak kesembilan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang baru berakhir di sini apabila negara Islam berdiri teguh di belakang Palestin dalam perjuangan untuk menubuhkan negara sendiri.

Deklarasi Doha OIC yang dikeluarkan pada hari terakhir mesyuarat dua hari itu mengutuk Israel kerana apa yang dipanggil penolakan Tel Aviv terhadap kehendak masyarakat antarabangsa mengenai hak penduduk Palestin untuk menubuhkan sebuah negara bebas dengan Al-Quds Al-Sharif sebagai ibu negeri.

Malaysia menyertai sokongan masyarakat Islam mengutuk rejim Tel Aviv yang tidak adil dalam wilayah-wilayah yang didudukinya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara-negara OIC supaya menghentikan perselisihan sesama mereka dan menumpukan kepada isu ini dengan "hati dan fikiran secara kolektif".

"Mari kita sama-sama bertindak sebagai sebuah pertubuhan yang mempunyai fikiran sama dan berdedikasi terhadap umatnya. Mari kita malukan mereka yang mengutuk penindasan yang diadakan-adakan tetapi tidak melakukan apa-apa ketika pencabulan secara terang-terang ke atas hak asasi berlaku di depan mata mereka.

"Rakyat Palestin sudah berjuang dan sudah lama menderita. Masanya sudah sampai untuk mendapat milik mereka dengan sokongan kita."

Pemimpin Palestin Yasser Arafat berikrar bahawa kebangkitan Al Aqsa akan berterusan walaupun ia membabitkan kehilangan nyawa yang berharga dan kerugian kewangan sehingga berakhirnya pendudukan Israel.

Sementara itu, Amir Qatar Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani yang merupakan pengerusi baru OIC, mencadangkan supaya satu pasukan peringkat menteri OIC dihantar ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk mendesak Israel menghentikan kekejaman ke atas rakyat Palestin.

Dan semasa para perwakilan meninggalkan Doha, laporan menyebut bahawa semakin ramai yang mati di wilayah-wilayah Palestin, dengan televisyen menayangkan gambar mayat diusung oleh beribu-ribu rakyat Palestin untuk dikebumikan.

Ini menimbulkan pertanyaan apa yang boleh dilakukan oleh negara-negara Islam bagi menghentikan keganasan di negara yang dipertikaikan oleh masyarakat Islam dan Yahudi yang mereka sanggup berperang dan kadang kala mati kerananya.

Walaupun sebelum ini sidang kemuncak OIC banyak menangani isu-isu seperti Bosnia Herzegovina pada 1994 dan krisis kewangan 1997, konflik di Palestin sentiasa menjadi prosiding utama mesyuarat itu.

Bukanlah sesuatu yang mengejutkan bagi pertubuhan yang ditubuhkan di Maghribi pada 25 Sept 1969 itu yang mengadakan mesyuarat pertama para pemimpin negara Islam berikutan usaha Zionis untuk membakar masjid Al Aqsa sebulan sebelum itu di bandar raya Al Quds yang didudukinya.

Keganasan kali ini tercetus ekoran lawatan berkontroversi oleh seorang ahli politik Israel ke kawasan suci di Jerusalem, tempat berdirinya Masjid Al Aqsa.

Sidang Kemuncak Doha juga menggesa Iraq dan PBB mengadakan dialog menyeluruh yang boleh menjurus kepada penarikan balik sekatan ke atas Baghdad yang dikenakan 10 tahun lepas berikutan pencerobohan negara itu ke atas negara jirannya, Kuwait.

Malah, Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan telah bertemu naib presiden Iraq Ezzat Ibrahim di ibu negara Qatar ini bagi membincangkan usaha yang terbantut bagi menarik balik sekatan itu.

Mengenai isu ekonomi, OIC menggesa supaya kerjasama ekonomi dan komersil di kalangan 56 negara anggota pertubuhan itu ditingkatkan yang boleh memandu ke arah mencapai objektif Pasaran Bersama Islam.

Sidang kemuncak itu merupakan usaha yang berjaya bagi Malaysia apabila Kuala Lumpur diberi penghormatan menjadi tuan rumah mesyuarat para pemimpin OIC pada 2003 walaupun ia merupakan giliran Afrika untuk menganjurkannya.

Dr Mahathir berterima kasih kepada para perwakilan kerana keyakinan dan sokongan mereka kepada Malaysia.

Mesyuarat itu juga memutuskan bahawa Malaysia akan memegang jawatan penolong setiausaha agung OIC mulai Julai 2003 hingga Jun 2005.

Gesaan Kuala Lumpur supaya OIC berubah juga mendapat sokongan positif dengan cadangan melantik perunding untuk mengkaji perkara itu.

-- BERNAMA

MAM LAT